



BAHAGIAN 6 STATISTIK PASARAN

CADANGAN KORPORAT

EKUITI

Permohonan Diluluskan

Pada tahun 2025, SC telah meluluskan 21 permohonan ekuiti, dengan 16 daripadanya melibatkan tawaran awam permulaan (IPO) di Pasaran Utama Bursa Malaysia, dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak RM82.88 bilion. Anggaran jumlah dana yang dijana daripada IPO tersebut adalah sekitar RM20.40 bilion (Jadual 1). Permohonan selebihnya yang diluluskan merangkumi satu cadangan pengambilalihan yang mengakibatkan perubahan ketara terhadap arah atau dasar perniagaan, serta empat pemindahan penyenaian dari Pasaran ACE ke Pasaran Utama.

Penyenaian Baharu

Terdapat 60 penyenaian baharu pada tahun 2025, merangkumi 11 di Pasaran Utama, 44 di Pasaran ACE dan lima di Pasaran LEAP, dengan jumlah permodalan pasaran bernilai RM27.42 bilion. Jumlah dana yang berjaya dikumpulkan daripada penyenaian baharu ini pada tahun 2025 adalah kira-kira RM5.96 bilion.

JADUAL 1

Permohonan ekuiti diluluskan mengikut jenis cadangan

Jenis cadangan	2025		2024	
	Bil. cadangan diluluskan	Anggaran amaun dikumpul (RM juta)	Bil. cadangan diluluskan	Anggaran amaun dikumpul (RM juta)
IPO di Pasaran Utama:				
– Syarikat domestik	14	20,200.23	10	4,696.78
– Penyenaian Sekunder	2	198.00	-	-
Penstrukturan Semula / Penggabungan dan Pengambilalihan	1	34.80	1	-
Pemindahan dari Pasar ACE ke Pasar Utama	4	-	10	-
JUMLAH	21	20,433.03	21	4,696.78

BON KORPORAT DAN SUKUK

Pasaran bon korporat dan sukuk Malaysia mencatat jumlah terbitan sebanyak RM176.78 bilion pada tahun 2025, mewakili peningkatan 42.39% berbanding RM124.15 bilion yang diterbitkan pada tahun 2024. Terbitan dalam denominasi mata wang asing berjumlah AS\$1.36 bilion.

Kemudahan* bon korporat dan sukuk berdenominasi ringgit terus membentuk majoriti cadangan yang diluluskan oleh/diserahkan kepada SC dengan jumlah nilai nominal RM257.06 bilion, yang mana 40.91% atau RM105.15 bilion merupakan sukuk (Jadual 2).

Jumlah kemudahan bon korporat dan sukuk berdenominasi ringgit yang diluluskan oleh/diserahkan kepada SC dengan tempoh matang antara satu hingga tujuh tahun serta melebihi 15 tahun masing-masing menurun 34.78% dan 3.45%. Terdapat peningkatan 140% dalam jumlah kemudahan bon korporat dan sukuk berdenominasi ringgit dengan tempoh matang antara lapan hingga 15 tahun (Carta 1).

* Kemudahan mungkin merujuk kepada program atau pengeluaran sekali sahaja.

JADUAL 2

Kemudahan bon korporat dan sukuk berdenominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan


Jenis kemudahan	2025		2024	
	Bil. kemudahan	Amaun nominal (RM juta)	Bil. kemudahan	Amaun nominal (RM juta)
Bon korporat				
– Kertas komersial/ Nota jangka sederhana/Bon	25	63,226.00	22	48,450.00
– Stok pinjaman	2	1,192.41	1	354.00
Jumlah kecil	27	64,418.41	23	48,804.00
Sukuk				
– Kertas komersial Islam/Nota jangka sederhana Islam/Bon Islam	49	102,645.00	61	115,585.00
– Stok pinjaman Islam	1	2,500.00	-	-
Jumlah kecil	50	105,145.00	61	115,585.00
Gabungan bon korporat dan sukuk				
– Nota jangka sederhana/Nota jangka sederhana Islam	4	82,500.00	2	1,500.00
– Kertas komersial/kertas komersial Islam	2	5,000.00	-	-
Jumlah kecil	6	87,500.00	2	1,500.00
JUMLAH	83	257,063.41	86	165,889.00

Pada tahun 2025, sebanyak 54 penarafan telah diberikan oleh agensi penarafan kredit kepada kemudahan bon korporat dan sukuk berdenominasi ringgit yang diserahkan kepada SC, berbanding 56 penarafan pada tahun 2024. Bilangan kemudahan tanpa penarafan meningkat 1.96% berbanding tahun 2024 (Carta 2).

Terdapat empat kemudahan bon korporat berdenominasi mata wang asing dengan jumlah nilai nominal AS\$22 bilion dan RMB10 bilion, serta satu kemudahan sukuk berdenominasi mata wang asing dengan jumlah nilai nominal AS\$45 bilion yang diserahkan kepada SC pada tahun 2025, berbanding dengan satu kemudahan sukuk berdenominasi mata wang asing dengan jumlah nilai nominal sebanyak AS\$35 bilion yang diterbitkan pada tahun 2024.

CARTA 1

Tempoh matang bagi kemudahan bon korporat dan sukuk berdenominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan




Nota:
Tempoh kemudahan, dan bukan nota atau kertas masing-masing di bawah kemudahan tersebut.


CARTA 2

Ringkasan penarafan kemudahan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan

Penarafan jangka panjang



Penarafan jangka pendek



Nota:

Sesuatu kemudahan bon korporat atau sukuk boleh diberikan lebih daripada satu penarafan kredit (contohnya bagi program kertas komersial/nota jangka sederhana, kedua-dua penarafan jangka pendek bagi kertas komersial dan penarafan jangka panjang bagi nota jangka sederhana diambil kira).

PENGURUSAN PELABURAN

PENGURUSAN DANA


Jumlah AUM bagi FMC berlesen di Malaysia meningkat sebanyak 6.92% kepada RM1,143.04 bilion, berbanding RM1,069.07 bilion pada tahun 2024. Pada tahun 2025, lima FMC terbesar menyumbang 53.66% daripada jumlah AUM, berbanding 53.83% pada tahun 2024 (Carta 1).

Sumber dana di bawah pengurusan sebahagian besarnya terdiri daripada dana unit amanah (UTF), KWSP, badan korporat, dan dana borong (WF) (Jadual 1). Dana tersebut diperuntukkan merentasi pelbagai kelas aset dan lokasi, di mana pelaburan di dalam Malaysia oleh FMC berjumlah RM748.69 bilion, mewakili 65.50% daripada jumlah AUM setakat akhir tahun 2025 (Carta 2). Sebahagian besar pelaburan diperuntukkan kepada ekuiti, iaitu 49.67% pada akhir tahun 2025, berbanding 50.23% pada tahun 2024 (Carta 3). Peruntukan aset bagi pelaburan di dalam Malaysia terus tertumpu kepada ekuiti, pendapatan tetap, dan penempatan pasaran wang, selaras dengan arah aliran tahun sebelumnya (Carta 4).


JADUAL 1
Sumber dana pelanggan di bawah pengurusan

Sumber dana	2025 (RM bilion)	2024 (RM bilion)
UTF	580.17	546.08
KWSP	228.33	208.30
Badan korporat	126.52	122.03
Dana borong	99.29	82.60
Badan berkanun dan agensi kerajaan	56.59	54.00
Individu	19.49	24.99
Lain-lain	23.85	23.46
PRS	8.80	7.61
JUMLAH	1,143.04	1,069.07


CARTA 1
Aset diuruskan oleh FMC (%)




CARTA 2
Aset dilaburkan di dalam dan di luar Malaysia (RM bilion)



CARTA 3
Peruntukan aset (%)



CARTA 4
Peruntukan aset di dalam dan di luar Malaysia pada 31 Disember 2025 (RM bilion)



SKIM PELABURAN KOLEKTIF DAN SKIM PERSARAAN SWASTA

Dana Unit Amanah

Dana unit amanah terus menjadi komponen terbesar dalam industri CIS Malaysia dengan jumlah NAV sebanyak RM580.17 bilion direkodkan setakat 31 Disember 2025 (2024: RM546.08 bilion). Peratusan jumlah NAV industri dana unit amanah berbanding permodalan pasaran Bursa Malaysia Securities Bhd (Bursa Malaysia) ialah 28.10% (2024: 26.25%). Pada tahun 2025, sebanyak 25 dana unit amanah baharu

telah dilancarkan, manakala 26 dana ditamatkan dan 7 dana mencapai kematangan, menjadikan jumlah keseluruhan dana unit amanah yang ditawarkan oleh 39 syarikat pengurusan unit amanah diperbadankan secara tempatan kepada 767 dana setakat 31 Disember 2025 (Jadual 1).

Industri dana unit amanah mencatat jumlah jualan kasar (tidak termasuk pelaburan semula pengagihan) sebanyak RM323.02 bilion (2024: RM283.54 bilion), dengan sebahagian besarnya diagihkan oleh syarikat pengurusan unit amanah yang merekodkan jumlah jualan kasar sebanyak RM165.89 bilion (Carta 5). Secara

keseluruhan, industri dana unit amanah mencatat jualan bersih (tidak termasuk pelaburan semula pengagihan) sebanyak RM2.27 bilion pada 2025 (2024: -RM8.59 bilion).


Dana Borong

Dalam segmen dana borong, jumlah NAV sebanyak RM99.29 bilion direkodkan setakat 31 Disember 2025 (2024: RM82.60 bilion). Sebanyak 67 dana telah dilancarkan di bawah Rangka Kerja LOLA untuk pelabur sofistikated, manakala 31 dana ditamatkan, 8 dana mencapai kematangan dan 6 dana ditukar kepada dana unit amanah pada tahun 2025. Perkembangan ini menjadikan jumlah keseluruhan dana borong yang ditawarkan oleh 57 syarikat pengurusan dana meningkat kepada 498 dana setakat 31 Disember 2025 (2024: 476 dana).

Amanah Pelaburan Hartanah

Dengan penyenaaran Paradigm Real Estate Investment Trust pada 2025, jumlah amanah pelaburan hartanah (REIT) yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia setakat 31 Disember 2025 ialah 20, dengan jumlah permodalan pasaran (termasuk kumpulan terikat) sebanyak RM59.32 bilion (2024: RM48.93 bilion). Saiz aset keseluruhan meningkat daripada RM69.97 bilion setakat 31 Disember 2024 kepada RM77.92 bilion pada akhir tahun 2025. Terdapat dua REIT tidak tersenarai yang ditawarkan kepada pelabur sofistikated setakat 31 Disember 2025.

CARTA 5
Saluran Pengagihan



JADUAL 2
Status keseluruhan industri dana unit amanah

	31 Disember 2025	31 Disember 2024
Bil. dana ditawarkan	767	775
- Konvensional	465	476
- Patuh Syariah	302	299
Unit dalam edaran (unit bilion)	775.06	757.38
Bil. akaun (juta)*	28.45	27.39
Jumlah NAV (RM bilion)	580.17	546.08
- Konvensional (RM bilion)	448.11	423.86
- Patuh Syariah (RM bilion)	132.06	122.22
% daripada NAV kepada permodalan pasaran Bursa Malaysia [^]	28.10	26.25

Nota:

* Bilangan akaun termasuk bilangan akaun pemegang unit dengan penasihat institusi Skim Unit Amanah (UTS) yang mengendalikan sistem akaun penama.

[^] Perbandingan antara jumlah NAV industri dana unit amanah dan permodalan pasaran Bursa Malaysia bukanlah petunjuk kepada jumlah sebenar yang dilaburkan dalam Bursa Malaysia oleh dana unit amanah.

Dana Dagangan Bursa

Dengan penyenaaran TradePlus MSCI Asia kecuali Japan REITs Tracker, TradePlus DWA Malaysia Momentum Tracker dan Principal FTSE ASEAN 40 Malaysia ETF pada tahun 2025, jumlah dana dagangan bursa (ETF) yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia setakat 31 Disember 2025 ialah 13 (2024: 16), dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak RM2.85 bilion (2024: RM2.36 bilion).

Dana SRI

Setakat 31 Disember 2025, terdapat 70 dana yang ditawarkan kepada pelabur dan layak sebagai dana pelaburan mampan dan bertanggungjawab (SRI) di bawah Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (2024: 75 dana). Daripada 70 dana tersebut, 42 merupakan dana unit amanah, 27 dana borong dan satu ETF, dengan jumlah NAV sebanyak RM15.38 bilion setakat 31 Disember 2025 (2024: RM14.44 bilion).

Dana Tertutup


Setakat 31 Disember 2025, hanya satu dana tertutup (CEF) terus disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak RM367 juta (2024: RM405 juta).

Skim Persaraan Swasta


Setakat 31 Disember 2025, terdapat 14 skim persaraan swasta (PRS) yang ditawarkan oleh 9 penyedia PRS. Satu dana persaraan swasta baharu telah dilancarkan

pada tahun 2025, menjadikan jumlah keseluruhan dana persaraan swasta yang beroperasi setakat 31 Disember 2025 sebanyak 79 dana (2024: 78). Jumlah NAV meningkat sebanyak 15.64% kepada RM8.80 bilion setakat 31 Disember 2025 (2024: RM7.61 bilion). Sumbangan ahli kekal stabil sepanjang tahun dengan RM1.12 bilion dilaburkan ke dalam PRS (2024: RM1.09 bilion), manakala jumlah penebusan pada tahun tersebut ialah RM534.09 juta (2024: RM528.50 juta). Jumlah ahli PRS meningkat sebanyak 8.83% kepada 671,736 setakat 31 Disember 2025 (daripada 617,289 pada 31 Disember 2024), dengan demografi utama PRS seperti ditunjukkan dalam Carta 6-8.


CARTA 6
Ahli PRS mengikut kumpulan umur



CARTA 7
Ahli PRS mengikut jantina



CARTA 8



PRODUK PELABURAN

Waran Berstruktur


Pada tahun 2025, SC telah mendaftarkan 2,201 kertas terma bagi tawaran waran berstruktur, meningkat sebanyak 22% berbanding tahun 2024 yang mencatatkan 1,811 kertas terma.

Bilangan kertas terma waran berstruktur dengan aset pendasar tempatan turut meningkat pada tahun 2025, dengan 1,610 kertas terma didaftarkan, iaitu peningkatan 19% berbanding tahun 2024 (2024: 1,350 kertas terma). Sebanyak 591 kertas terma dengan aset pendasar asing didaftarkan pada tahun 2025 berbanding 461 kertas terma pada tahun 2024.

Pada tahun 2025, bilangan kertas terma waran berstruktur yang didaftarkan dengan indeks sebagai aset pendasar meningkat sebanyak 28% (2025: 536 kertas terma; 2024: 419 kertas terma). Waran berstruktur berasaskan indeks pendasar asing meningkat sebanyak 34% berbanding tahun 2024, dipacu terutamanya oleh pertumbuhan ketara dalam waran berstruktur berasaskan Indeks Hang Seng. Indeks asing lain termasuk waran berstruktur berasaskan Indeks Purata Saham Nikkei (Nikkei 225), Indeks Hang Seng Tech, Indeks S&P 500, Indeks NASDAQ-100, dan Indeks Hang Seng China

CARTA 9

Kertas terma waran berstruktur mengikut domisil penyenaraian aset pendasar



Produk Berstruktur

Pada tahun 2025, sebanyak 11 penerbit telah mengemukakan 21 program produk berstruktur baharu kepada SC di bawah Rangka Kerja LOLA bagi produk pasaran modal tidak tersenarai. Program-program ini merangkumi pelbagai rujukan pendasar dan mempunyai saiz agregat berjumlah RM105 bilion, dengan setiap program dibenarkan mempunyai had saiz sehingga RM5 bilion (Jadual 3).

JADUAL 3

Program produk berstruktur

Program baharu yang diserahkan	2025		2024	
	Bil. program	Saiz (RM bilion)	Bil. program	Saiz (RM bilion)
Prinsip				
– Konvensional	18	90	40	200
– Islam	3	15	5	25
JUMLAH	21	105	45	225

Siri Produk Berstruktur

Pasaran produk berstruktur Malaysia mencatatkan penurunan 5% dalam jumlah terbitan baharu pada tahun 2025 berbanding tahun 2024.

Individu bernilai bersih tinggi (HNWI) terus membentuk majoriti pelabur, merangkumi 93.1% daripada keseluruhan pelabur produk berstruktur. Baki 6.9% terdiri daripada entiti bernilai bersih tinggi, pelabur diakreditasi serta individu yang memperoleh produk pasaran modal tidak tersenarai dengan nilai pertimbangan tidak kurang daripada RM250,000 bagi setiap kategori transaksi (Carta 10).


Produk berstruktur konvensional terus mendominasi pasaran, merangkumi 92.4% daripada jumlah terbitan pada tahun 2025 (Carta 11). Penerbitan produk berstruktur Islam pula mencatatkan peningkatan 15% pada tahun 2025.

Pada tahun 2025, sebanyak 138 siri produk berstruktur telah dikemukakan di bawah Rangka Kerja LOLA untuk ditawarkan kepada pelabur sofistikated (2024: 186), mewakili penurunan 26%.


Kontrak untuk Perbezaan

Pada tahun 2025, terdapat dua penyedia CFD yang menawarkan CFD di Malaysia berasaskan saham, indeks dan komoditi di bawah *Garis Panduan mengenai Kontrak untuk Perbezaan*.

CARTA 10
Pecahan mengikut jenis pelabur




CARTA 11
Pecahan mengikut prinsip




PASARAN MODAL ISLAM

ICM terus menyumbang secara signifikan, merangkumi 63.70% daripada keseluruhan pasaran modal. Pasaran ini menunjukkan pertumbuhan yang stabil dengan perkembangan 4.31% tahun ke tahun, meningkat daripada RM2,634.13 bilion pada tahun 2024 kepada RM2,747.79 bilion pada akhir tahun 2025. ICM merangkumi sekuriti patuh Syariah, dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak RM1,314.77 bilion, serta sukuk, dengan jumlah terbitan belum tebus sebanyak RM1,433.02 bilion (Carta 1).

CARTA 1
ICM setakat Disember 2025



Saiz ICM




SEKURITI PATUH SYARIAH

Menjelang akhir tahun 2025, bilangan sekuriti patuh Syariah meningkat daripada 822 kepada 867, merangkumi 80.13% daripada keseluruhan 1,082

sekuriti tersenarai di Bursa Malaysia. Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah mencatatkan peningkatan 0.38% berbanding akhir tahun 2025, berjumlah RM1,314.77 bilion atau 63.69% daripada keseluruhan permodalan pasaran pada Disember 2025 (Carta 2).

CARTA 2
Sekuriti patuh Syariah setakat Disember 2025



SUKUK


Dalam pasaran sukuk, terbitan sukuk korporat mewakili 79.30% (2024: 74.36%) daripada jumlah keseluruhan terbitan bon korporat dan sukuk, manakala sukuk korporat belum tebus merangkumi 85.06% (2024: 84.58%) daripada jumlah keseluruhan bon korporat dan sukuk belum tebus (Jadual 3).

Jumlah terbitan sukuk pada 2025 mewakili 66.51% (2024: 62.56%) daripada keseluruhan terbitan bon dan sukuk, manakala jumlah sukuk belum tebus mewakili 63.71% (2024: 63.12%) daripada keseluruhan bon dan sukuk belum tebus (Carta 3 dan Jadual 4).

Sebanyak 24 penerbit telah menerbitkan Sukuk SRI dan Sukuk Berkaitan Kemampunan SRI pada tahun 2025, menjadikan jumlah kumulatif penerbit Sukuk SRI meningkat kepada 57 sejak diperkenalkan pada tahun 2015. Terbitan sukuk korporat SRI pada tahun 2025 berjumlah RM25.95 bilion, iaitu 18.51% daripada keseluruhan terbitan sukuk korporat bagi tahun tersebut. Manakala sukuk korporat SRI belum tebus meningkat kepada RM52.34 bilion setakat Disember 2025 (2024: RM34.46 bilion), mewakili 6.48% daripada jumlah keseluruhan sukuk korporat belum tebus.

CARTA 3


Sukuk setakat Disember 2025




PENGURUSAN DANA ISLAM

Setakat Disember 2025, AUM Islam berjumlah RM274.01 bilion, peningkatan tahun ke tahun sebanyak 11.35% berbanding RM246.09 bilion pada akhir tahun 2024 (Carta 4). Jumlah CIS Islam (UTF, WF, PRS, REIT dan ETF) adalah sebanyak 433 setakat Disember 2025, termasuk 29 dana SRI Islam. Selain itu, terdapat 64 syarikat pengurusan dana yang menguruskan dana Islam, terdiri daripada 24 syarikat pengurusan dana Islam sepenuhnya dan 40 syarikat pengurusan dana konvensional dengan perkhidmatan Islam setakat Disember 2025.

CARTA 4
AUM Pengurusan Dana Islam



Pengurusan Dana Islam setakat Disember 2025



STATISTIK UTAMA

JADUAL 1

Saiz pasaran modal Islam

	2025 RM bilion	2024 RM bilion
Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah	1,314.77	1,309.79
Saiz sukuk belum tebus	1,433.02	1,324.34
Jumlah saiz pasaran modal Islam	2,747.79	2,634.13
% pasaran modal Islam berbanding jumlah pasaran modal	63.70%	63.04%

JADUAL 2

Sekuriti patuh Syariah

	2025	2024
Jumlah sekuriti		
Sekuriti patuh Syariah	867	822
Jumlah sekuriti tersenarai	1,082	1,039
% sekuriti patuh Syariah kepada jumlah sekuriti tersenarai	80.13%	79.11%
Permodalan pasaran (RM bilion):		
Sekuriti patuh Syariah	1,314.77	1,309.79
Jumlah permodalan pasaran	2,064.39	2,080.51
% sekuriti patuh Syariah kepada jumlah permodalan pasaran	63.69%	62.96%

JADUAL 3

Sukuk korporat

	2025	2024
Jumlah terbitan (RM bilion)		
Terbitan sukuk	140.18	92.32
Jumlah terbitan bon dan sukuk korporat	176.78	124.15
% sukuk berbanding jumlah terbitan bon dan sukuk korporat	79.30%	74.36%
Jumlah belum tebus (RM bilion)		
Sukuk belum tebus	807.72	725.68
Jumlah bon dan sukuk korporat belum tebus	949.58	858.00
% sukuk berbanding jumlah bon dan sukuk korporat belum tebus	85.06%	84.58%

JADUAL 4
Jumlah sukuk

	2025	2024
Jumlah terbitan (RM bilion)		
Terbitan sukuk	284.48	273.66
Jumlah terbitan bon dan sukuk	427.74	437.41
% sukuk berbanding jumlah terbitan bon dan sukuk	66.51%	62.56%
Jumlah belum tebus (RM bilion)		
Sukuk belum tebus	1,433.02	1,324.34
Jumlah bon dan sukuk belum tebus	2,249.24	2,098.06
% sukuk berbanding jumlah bon dan sukuk belum tebus	63.71%	63.12%

JADUAL 5
AUM Islam

	2025	2024
AUM Islam (RM bilion)	274.01	246.09
Jumlah industri pengurusan dana (RM bilion)	1,143.04	1,069.07
% AUM Islam berbanding jumlah industri pengurusan dana	23.97%	23.02%

JADUAL 6
UTF Islam

	2025	2024
UTF Islam	302	299
Jumlah industri	767	775
NAV UTF Islam (RM bilion)	132.06	122.22
NAV jumlah industri (RM bilion)	580.17	546.08
% NAV UTF Islam berbanding jumlah industri	22.76%	22.38%

JADUAL 7
WF Islam

	2025	2024
WF Islam	82	74
Jumlah industri	498	476
NAV WF Islam (RM bilion)	20.66	15.80
NAV jumlah industri (RM bilion)	99.29	82.60
% NAV WF Islam berbanding jumlah industri	20.81%	19.13%

JADUAL 8
Dana PRS Islam

	2025	2024
PRS Islam	37	37
Jumlah industri	79	78
NAV PRS Islam (RM bilion)	3.01	2.55
NAV jumlah industri (RM bilion)	8.80	7.61
% NAV PRS Islam berbanding jumlah industri	34.20%	33.44%

JADUAL 9
REIT Islam

	2025	2024
REIT Islam	5	5
Jumlah industri	20	19
Permodalan pasaran REIT Islam (RM bilion)	21.87	20.29
Permodalan pasaran jumlah industri (RM bilion)	59.32	48.93
% permodalan pasaran REIT Islam berbanding jumlah industri	36.87%	41.47%

JADUAL 10
ETF Islam

	2025	2024
ETF Islam	7	7
Jumlah industri	13	16
Permodalan pasaran ETF Islam (RM bilion)	0.96	0.50
Permodalan pasaran jumlah industri (RM bilion)	2.85	2.36
% permodalan pasaran ETF Islam berbanding jumlah industri	33.68%	21.19%

JADUAL 11
Penasihat Syariah Berdaftar

	2025	2024
Individu	109	82
Korporat	19	19
Jumlah penasihat Syariah berdaftar	128	101

MODAL TEROKA DAN EKUITI SWASTA

Jumlah dana komited dalam industri meningkat sebanyak 21.66% kepada RM 30.05 bilion, berbanding RM 24.70 bilion pada tahun 2024. Sehingga akhir 2025, jumlah dana komited masing-masing berjumlah RM 23.95 bilion bagi ekuiti swasta (PE) dan RM 6.10 bilion bagi modal teroka (VC) (Jadual 1).

JADUAL 1
Statistik utama industri
 Angka dalam RM juta

	2025		2024	
	Ekuiti Swasta	Modal Teroka	Ekuiti Swasta	Modal Teroka
Jumlah dana komited bawah pengurusan [1]	23,949.50	6,102.44	18,005.63	6,698.07
Jumlah modal dikeluarkan [2]	11,937.66	3,717.26	10,689.09	4,227.86
Anggaran modal tersedia untuk pelaburan [3]=[1]-[2]	12,011.84	2,385.18	7,316.54	2,470.21
Jumlah syarikat pelaburan	120	419	88	437

Nota:
 Statistik adalah berdasarkan angka yang dilaporkan sendiri oleh firma VC/PE berdaftar. Pergerakan tahun ke tahun (y-o-y) mungkin berbeza. Jumlah keseluruhan mungkin tidak sepadan disebabkan pembundaran.

JADUAL 2
Statistik peserta industri

	2025	2024
Bilangan korporat berdaftar	155	145
Bilangan VCMC dan VCC berdaftar	107	115
Bilangan PEMC dan PEC berdaftar	48	30
Bilangan profesional ¹ VC & PE	356	278

Nota:
¹ Profesional dengan lebih 4 tahun pengalaman

Jumlah korporat berdaftar adalah 155 setakat 31 Disember 2025 (Jadual 2). Segmen modal teroka merangkumi 107 korporat berdaftar (venture capital management corporation (VCMC) dan venture capital corporation (VCC), manakala segmen ekuiti swasta

terdiri daripada 48 korporat berdaftar (syarikat pengurusan ekuiti swasta (PEMC)) dan syarikat ekuiti swasta (PEC).


Sehingga akhir 2025, bilangan profesional dalam industri yang mempunyai sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman adalah 356.

Bagi ekuiti persendirian (PE), komitmen pelaburan sebahagian besarnya diperoleh daripada pelabur korporat (28.11%), dana pencen dan kumpulan wang simpanan (20.73%) serta institusi kewangan (19.58%) (Carta 1).


Bagi modal teroka (VC), agensi kerajaan dan syarikat pelaburan (40.08%), pelabur korporat (28.22%) serta individu dan pejabat keluarga (17.64%) merupakan tiga sumber pembiayaan utama (Carta 2).

Tiga perbadanan berdaftar teratas berdasarkan jumlah komitmen pelabur setakat akhir 2025 ialah Creador, Gaia Investment Partners dan Bee Alternatives.

CARTA 1
Sumber dana, ekuiti swasta (2025: RM23.95 bilion)



CARTA 2
Sumber dana, modal teroka (2025: RM6.10 bilion)



Nota:

Agensi kerajaan dan syarikat pelaburan: Merangkumi syarikat pelaburan kementerian (contohnya Menteri Kewangan (Diperbadankan)), agensi kerajaan, badan berkanun dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan yang ditubuhkan bagi tujuan mengurus pelaburan dana awam.

JADUAL 3
Pelaburan pada 2025



Peringkat Perniagaan	Pelaburan baharu (RM '000)	% segmen	Bil. syarikat
Modal Teroka			
Benih	1,600.00	0.37%	1
Peringkat permulaan	34,150.91	7.83%	18
Peringkat awal	38,629.98	8.86%	13
Pertumbuhan	134,576.34	30.87%	21
Jambatan/Mezanin/Pra-IPO	224,498.86	51.50%	12
Pemulihan/Penstruktur Semula	2,466.09	0.57%	4
Ekuiti Swasta			
Peringkat awal	128,903.93	5.40%	7
Pertumbuhan	1,788,737.08	74.93%	37
Jambatan/Mezanin/Pra-IPO	42,610.90	1.79%	2
Belian habis	426,821.40	17.88%	2
Jumlah	2,822,995.49	100.00%	117
Modal Teroka	435,922.18	15.44%	69
Ekuiti Swasta	2,387,073.31	84.56%	48

Pelaburan VC pada tahun 2025 tertumpu pada peringkat jambatan/mezanin/pra-IPO (51.50%), diikuti peringkat pertumbuhan (30.87%) dan peluang peringkat awal (8.86%). Pelaburan PE pula sebahagian besarnya disalurkan ke peringkat pertumbuhan (74.93%), dengan sebahagian pelaburan dibuat dalam peluang pemulihan/penstrukturan semula (17.88%). Secara keseluruhan, sebanyak 117 urus niaga VC dan PE direkodkan pada tahun 2025 (Jadual 3).

Dari segi industri sasaran, sektor pembinaan (31.61%) mencatat bahagian pelaburan VC yang tertinggi pada tahun 2025, diikuti pembuatan (21.39%) dan pengurusan sisa (7.11%).

Bagi PE, pelaburan banyak disalurkan kepada perdagangan borong dan runcit (34.68%) pada tahun 2025, diikuti pendidikan (17.46%) serta aktiviti kewangan dan insurans/takaful (16.49%) (Carta 3).

CARTA 3
Pelaburan sepanjang tahun, 5 industri sasaran teratas



JADUAL 4
Pelupusan pelaburan pada 2025

Peringkat Perniagaan	Pelupusan pelaburan (RM '000)	% segmen	Bil. syarikat
Modal Teroka			
Benih	20,714.66	1.12%	11
Peringkat permulaan	407,171.73	22.11%	41
Peringkat awal	177,866.03	9.66%	62
Pertumbuhan	868,259.08	47.14%	172
Belian habis	31,565.26	1.71%	9
Jambatan/Mezanin/Pra-IPO	260,050.11	14.12%	15
Pemulihan/Penstrukturan Semula	76,352.81	4.14%	62
Ekuiti Swasta			
Peringkat awal	31,904.81	2.36%	2
Pertumbuhan	1,275,772.67	94.44%	52
Belian habis	40,138.14	2.97%	1
Jambatan/Mezanin/Pra-IPO	1,764.49	0.13%	3
Pemulihan/Penstrukturan Semula	1,307.71	0.10%	3
Jumlah	3,192,867.49	100.00%	433
<i>Modal Teroka</i>	<i>1,841,979.68</i>	<i>57.69%</i>	<i>372</i>
<i>Ekuiti Swasta</i>	<i>1,350,887.82</i>	<i>42.31%</i>	<i>61</i>

Nota:
Angka diukur pada kos.

Pelupusan pelaburan dalam portfolio PE pada tahun 2025 kebanyakannya melibatkan pelupusan pada peringkat pertumbuhan, manakala majoriti pelupusan dalam VC adalah pada peringkat pertumbuhan, diikuti

pada peringkat permulaan (Jadual 4). Peluang keluar pada tahun 2025 kebanyakannya direalisasikan melalui IPO atau penjualan kepada pasaran awam.

PENDANAAN EKUITI RAMAI¹

KEMPEN


Sejak penubuhannya, ECF telah mengumpulkan jumlah dana sebanyak RM917.51 juta melalui 445 kempen, dengan kempen patuh Syariah menyumbang 4.1% daripada jumlah dana yang berjaya dikumpulkan.

Seperti ditunjukkan dalam Carta 1, jumlah dana yang dikumpulkan pada tahun 2025 meningkat dengan ketara sebanyak 42.4% kepada RM139.34 juta, berbanding RM97.84 juta pada tahun 2024. Arah aliran peningkatan yang sama turut dilihat pada bilangan kempen berjaya, yang meningkat daripada 35 pada tahun sebelumnya kepada 42 pada tahun 2025. Pertumbuhan dalam jumlah dana yang dikumpulkan didorong terutamanya oleh peningkatan


ketara dalam kempen bersaiz besar, iaitu kempen yang mengumpul dana melebihi RM3 juta. Kempen sedemikian merangkumi 45% daripada keseluruhan kempen pada tahun 2025, meningkat daripada 34% pada tahun 2024 (Carta 2).

Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan menerima dana tertinggi pada tahun 2025, berjumlah RM26.7 juta, manakala sektor pembuatan mencatat pertumbuhan ketara dengan jumlah dana meningkat lima kali ganda kepada RM13.6 juta pada tahun 2025 (Carta 3). Sebaliknya, sektor perdagangan borong dan runcit, yang lazimnya menyumbang bahagian besar daripada jumlah pengumpulan dana, mencatat penurunan ketara apabila jumlah dana yang dikumpulkan merosot kepada RM9.8 juta pada tahun 2025.


CARTA 1
Jumlah dana dikumpul




CARTA 2
Saiz kempen



CARTA 3
Sektor tertinggi mengikut jumlah dana dikumpul



CARTA 4
Peringkat pengumpulan dana



¹ Statistik yang dilaporkan sebelum ini telah diselaraskan mengikut angka terkini yang dilaporkan.

Kempen peringkat benih dan peringkat Siri A kekal sebagai peringkat pengumpulan dana utama pada tahun 2025. Pada masa yang sama, aktiviti pengumpulan dana baharu turut diperhatikan pada peringkat pasca Siri A (Carta 4).


PENERBIT

Sejak pengenalan ECF, jumlah keseluruhan penerbit telah mencapai 4,45². Penyertaan penerbit meningkat pada tahun 2025, dengan 42 penerbit direkodkan sepanjang tahun tersebut, berbanding 35 pada tahun 2024. Walaupun 82% penerbit ECF berpusat di Selangor dan Kuala Lumpur, minat yang semakin meningkat turut diperhatikan dalam kalangan penerbit di luar Lembah Klang, termasuk dari Pulau Pinang dan Sarawak, yang merangkumi 12% daripada jumlah keseluruhan penerbit (Carta 5).

Perubahan ketara dalam komposisi penerbit ECF telah diperhatikan, apabila bahagian penerbit yang bertumpukan teknologi menurun kepada 31% pada tahun 2025 berbanding 49% pada tahun sebelumnya (Carta 6).


Trend yang sama turut direkodkan dalam kalangan penerbit yang lebih muda, apabila bahagian penerbit

CARTA 6
Penerbit bertumpukan teknologi




yang beroperasi kurang daripada tiga tahun menurun kepada 26% pada tahun 2025 berbanding 41% pada tahun 2024 (Carta 7). Perkembangan ini mencerminkan perubahan dalam profil penerbit yang menyertai pasaran ECF.

CARTA 5
Penerbit: Lokasi perniagaan



CARTA 7
Penerbit: Usia perniagaan




² Termasuk penerbit yang kembali.

PELABUR

Sejak penubuhannya, jumlah keseluruhan pelabur yang mengambil bahagian telah melebihi 22,000. Namun begitu, pada tahun 2025 sahaja, jumlah pelabur menurun sebanyak 36% kepada 1,979, berbanding 3,099 pada tahun sebelumnya (Carta 8). Pelabur kali pertama merangkumi 71.5% daripada pelabur ECF pada tahun 2025.

CARTA 8
Penyertaan pelabur³



JADUAL 1
Demografi pelabur

		2025	2024
Kewarganegaraan	Malaysia	98%	98%
	Asing	2%	2%
Jantina	Wanita	30%	23%
	Lelaki	70%	77%
Umur	Di bawah 35	32%	44%
	35 hingga 45	42%	33%
	>45 hingga 55	16%	16%
	Melebihi 55	10%	7%
Jenis	Runcit	59%	72%
	Pelabur Mangkin	25%	15%
	Sofistikated - HNWI	10%	7%
	Sofistikated - HNWE dan Diakreditasi	5%	5%
	Bukan Entiti Sofistikated	1%	1%

³ Penyertaan pelabur bermaksud pelabur yang telah mengambil bahagian dalam sesuatu kempen.


PEMBIAYAAN ANTARA RAKAN SETARA¹

KEMPEN


Sejak penubuhannya, pembiayaan P2P telah mengumpulkan jumlah keseluruhan sebanyak RM11.32 bilion melalui 154,283 kempen, dengan 26% daripada jumlah dana yang dikumpulkan disumbangkan oleh kempen patuh Syariah (2024: 19%). Pada tahun 2025, jumlah dana yang dikumpulkan meningkat sebanyak 13% kepada RM2.83 bilion, berbanding RM2.51 bilion pada 2024 (Carta 1). Namun, jumlah keseluruhan kempen mencatat sedikit penurunan, berkurang kepada 33,913 pada 2025 daripada 34,512 pada tahun 2024.

Saiz kempen pada tahun 2025 terus menjadi jumlah pengumpulan dana berskala kecil, dengan 62% kempen mengumpulkan RM50,000 dan kurang (Carta 2). Sektor perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal kekal sebagai sektor terbesar yang menerima dana pada tahun 2025, mengumpulkan RM1.44 bilion dan menyumbang 51% daripada jumlah pengumpulan dana pada tahun tersebut (Carta 3).


CARTA 1
Jumlah dana dikumpul



CARTA 2
Saiz kempen




CARTA 3
Lima sektor teratas mengikut jumlah dana yang dikumpulkan



¹ Statistik yang dilaporkan sebelum ini telah diselaraskan mengikut angka terkini yang dilaporkan.


CARTA 4

Jenis pembiayaan




CARTA 6

Tujuan pengumpulan dana




CARTA 5

Jenis tempoh pembiayaan



CARTA 7

Penerbit: Lokasi perniagaan



Dalam Carta 4, majoriti nota pelaburan yang diterbitkan adalah bagi pembiayaan akaun belum bayar, merangkumi 63% daripada keseluruhan kempen pada tahun ini. Kempen dengan nota pelaburan jangka pendek yang mempunyai tempoh matang enam bulan atau kurang kekal sebagai kempen yang paling banyak dibiayai (88%) pada tahun 2025 (Carta 5). Tujuan pengumpulan dana pada tahun 2025 terus didominasi oleh keperluan modal kerja, yang merangkumi 98% daripada keseluruhan pengumpulan dana (Carta 6).


PENERBIT

Sehingga akhir 2025, jumlah keseluruhan penerbit adalah sebanyak 24,683.² Pada tahun 2025, jumlah penerbit menurun sebanyak 9% kepada 4,730, berbanding 5,206 pada tahun 2024. Dari segi lokasi perniagaan, penerbit yang berpusat di Selangor dan Kuala Lumpur terus menjadi kumpulan yang paling banyak menerima pembiayaan P2P pada tahun 2025, merangkumi 54% (Carta 7). Penerbit yang


² Termasuk penerbit yang kembali.

tidak bertumpukan kepada teknologi membentuk 99% daripada jumlah keseluruhan penerbit (Carta 8). Seperti ditunjukkan dalam Carta 9, penerbit yang telah beroperasi selama enam tahun atau lebih terus mewakili majoriti pembiayaan P2P pada tahun 2025, merangkumi 49% daripada penerbit, berbanding 43% pada tahun 2024.

CARTA 8
Penerbit bertumpukan teknologi




CARTA 9
Penerbit: Usia perniagaan



PELABUR

Seperti ditunjukkan dalam Carta 10, jumlah keseluruhan pelabur yang mengambil bahagian sejak pembiayaan P2P mula diperkenalkan telah melebihi 53,000. Pada tahun 2025, terdapat sedikit penurunan sebanyak 2% dalam jumlah pelabur kepada 15,257, berbanding 15,628 pada tahun 2024. Sebanyak 20% daripada pelabur yang menyertai P2P pada tahun 2025 merupakan pelabur baharu.

CARTA 10
Penyertaan pelabur³



³ Penyertaan pelabur merujuk kepada pelabur yang telah membuat pelaburan dalam sesuatu kempen.

JADUAL 1

Demografi pelabur

		2025	2024
Kewarganegaraan	Malaysia	99%	97%
	Asing	1%	3%
Jantina	Wanita	29%	29%
	Lelaki	71%	71%
Umur	Di bawah 35	33%	41%
	35 hingga 45	39%	34%
	>45 hingga 55	18%	16%
	Melebihi 55	11%	9%
Jenis	Runcit	89%	89%
	Pelabur Mangkin	4%	4%
	Sofistikated – HNWI	5%	5%
	Sofistikated – HNWE dan Diakreditasi	1%	1%
	Bukan Entiti Sofistikated	1%	1%

AKRONIM DAN SINGKATAN

ABJAD	Agen Bijak Labur Desa
ABM	Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia
ACGA	Persatuan Tadbir Urus Asia
ACMF	Forum Pasaran Modal ASEAN
ACSR	Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kemampanan
ADB	Bank Pembangunan Asia
AGM	mesyuarat agung tahunan
AI	kecerdasan buatan
AMLATFPUAA	Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001
AMLCFT/PF	Pencegahan pengubahan wang haram/ pencegahan pembiayaan keganasan
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
APAC	Asia-Pasifik
APRC	Jawatankuasa Serantau Asia-Pasifik
ARC	Jawatankuasa Audit dan Risiko
ASB	<i>Asia School of Business</i>
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
ASEAN SRF	Dana Kemampanan dan Bertanggungjawab ASEAN
ASEAN Taxonomy	Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan
ATCM	Persatuan Syarikat Amanah Malaysia
AUM	aset bawah pengurusan
BCM	Dasar Pengurusan Kesinambungan Perniagaan
BCX	<i>Bursa Carbon Exchange</i>
BNM	Bank Negara Malaysia
BSC	Lembaga Jawatankuasa Kemampanan
CAGR	kadar pertumbuhan tahunan kompaun
CCOB	Lembaga Pengawasan Kredit Pengguna
CFD	Kontrak Atas Perbezaan
CMC	Lembaga Dana Pampasan Pasaran Modal
CIS	skim pelaburan kolektif
CME	entiti pasaran modal
CMM	<i>Capital Markets Malaysia</i>
CMP	Pelan Induk Pasaran Modal 2026-2030
CMP3	Pelan Induk Pasaran Modal 3
CMSA	<i>Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007</i>
CMSL	Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal
CMSR	Tinjauan Kestabilan Pasaran Modal
CMSRL	Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
COP29	Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
COFAR	Cabaran Adaptasi dan Daya Tahan Banjir Pesisir
CoSIF	dana pelaburan bersama strategik
CPI	Pelaksanaan Harga Karbon
CRA	agensi penilaian kredit
CVC	modal teroka korporat
DAC	Penjaga Aset Digital
DAX	pertukaran aset digital
DeFi	kewangan terdesentralisasi

DF	forensik digital
DIM	pengurusan pelaburan digital
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
ECF	pendanaan ekuiti ramai
ERMC	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Eksekutif
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
ETF	dana dagangan bursa
EU	Kesatuan Eropah
FTSE	Financial Times Stock Exchange
FBMKLCI	FTSE Bursa Malaysia KLCI
FCNH	kontrak niaga hadapan depan mata wang dolar Amerika Syarikat dan Renminbi China mini
FCO	<i>Forest Carbon Offset</i>
FCSFZ	Zon Kewangan Khas Forest City
FEN	Rangkaian Pendidikan Kewangan
FIMM	Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
FMC	syarikat pengurusan dana
FMOS	Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan
FPAM	Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia
FRC	Jawatankuasa Risiko Kewangan
FSA	Penilaian Skop Berfokus
FSI	Indeks Tekanan Kewangan
FSOY	Kontrak niaga hadapan minyak soya
FVTP	nilai adil melalui keuntungan atau kerugian
Garis Panduan CFD	<i>Garis Panduan Kontrak Atas Perbezaan</i>
GDP	keluaran dalam negara kasar
GHG	pelepasan gas rumah hijau
GIFF	Global Islamic Finance Forum
GIFP	Program Kewangan Islam Global
GLIC	syarikat pelaburan berkaitan kerajaan
GMCR	<i>Garis Panduan Pengurusan Risiko Siber</i>
GTRM	<i>Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi</i>
GRI	Inisiatif Pelaporan Global
GVC	Rantaian Nilai Penghijauan
HNW	Bernilai Bersih Tinggi
HNWE	Entiti Bernilai Bersih Tinggi
HNWI	Individu yang Bernilai Tinggi
IAASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa
ICDM	Institut Pengarah Korporat Malaysia
ICM	Pasaran modal Islam
ICMR	Institut Penyelidikan Pasaran Modal
IEO	tawaran pertukaran awal
IFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa
IHP	Indeks Harga Pengguna
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
INCEIF	Pusat Antarabangsa untuk Pendidikan Kewangan Islam
IOSCO	Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa
IPO	tawaran awam awal
ISF	InvestSmart® Fest
ISSB	Lembaga Piawaian Kemampanan Antarabangsa
IAASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa

JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JC3	Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KPI	penanda aras prestasi
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
Labuan FSA	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
LEA	Agensi Penguatkuasaan Undang-undang
LOLA Framework	Rangka Kerja Serah dan Simpan
MAS	Monetary Authority of Singapore
MCCG	Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia
MFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
MIA	Institut Akauntan Malaysia
MIBA	Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia
MIFC	Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
MOE	Kementerian Pendidikan
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MOHE	Kementerian Pendidikan Tinggi
MMOU	Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala
MOU	Memorandum Persefahaman
MR	wakil pemasaran
MRC	Jawatankuasa Risiko Pemasaran
PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana
MTC	syarikat pertengahan
MVCR	Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia 2024-2030
MyCIF	dana pelaburan bersama Malaysia
NAV	nilai aset bersih
NDC Roadmap	Nationally Determined Contribution Roadmap
NIMP	<i>Pelan Induk Perindustrian Baharu</i>
NRA	<i>Penilaian Risiko Negara Malaysia</i>
NSRC	Pusat Respons Scam Kebangsaan
NSRF	Rangka Kerja Pelaporan Kemampunan Negara
OACP	<i>Pelan Anti-Rasuah Organisasi</i>
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OFS	Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
OPR	kadar dasar semalaman
ORC	Jawatankuasa Risiko Operasi
Pembiayaan P2P	pembiayaan antara rakan setara
PE	ekuiti swasta
Pelan Hala Tuju	<i>Merangsang Akses PMKS dan MTC kepada Pasaran Modal: Pelan Hala Tuju 5 Tahun (2024-2028)</i>
Peraturan Pengambilalihan	<i>Kod Pengambilalihan dan Penggabungan Malaysia 2016 serta Peraturan mengenai Pengambilalihan, Penggabungan dan Pemerolehan Wajib</i>
PIE	entiti kepentingan awam
PLC	syarikat awam tersenarai
PNB	Permodalan Nasional Bhd
PRS	skim persaraan swasta
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
RA	penilaian pengawalseliaan

REIT	amanah pelaburan hartanah
RMC	Lembaga dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko
RMO	pengendali pasaran diiktiraf
SAC	Majlis Penasihat Syariah
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCXSC	<i>Synergistic Collaboration oleh SC</i>
SCMA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993</i>
SC-OCIS	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia-Oxford Centre for Islamic Studies
SEDG	Panduan Penzahiran ESG Ringkas
SFI	Inisiatif Kemampanan Pertama
SFO	Instrumen Pejabat Keluarga Tunggal
SFWG	Kumpulan Kerja Kewangan Mampan
SHC	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan
SIA	<i>Akta Perindustrian Sekuriti 1983</i>
SICDA	<i>Akta Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat) 1991</i>
SIDC	Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti
SMP	Program Mentorship Syariah
SRI	pelaburan mampan dan bertanggungjawab
SRI Roadmap	<i>Pelan Hala Tuju Pelaburan Kemampanan dan Bertanggungjawab untuk Pasaran Modal Malaysia</i>
SRI Taxonomy	<i>Taksonomi Pelaburan Kemampanan dan Bertanggungjawab berdasarkan Prinsip untuk Pasaran Modal Malaysia</i>
SRO	organisasi kawal selia sendiri
SROC	Jawatankuasa Pengawasan Risiko Sistemik SC
SSC	Jawatankuasa Pemandu Kemampanan
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SUA	Pemantauan Aktiviti Tidak Berlesen
SupTech	Teknologi Penyeliaan
TAAM	Rancangan Agihan Teknologi dan Analitik
TCRC	Jawatankuasa Risiko Teknologi dan Siber Keselamatan
UAE	Emiriah Arab Bersatu
UHNW	bernilai bersih ultra tinggi
UN	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNCDF	Dana Pembangunan Modal Bangsa-Bangsa Bersatu
UPC	syarikat awam tidak tersenarai
US	Amerika Syarikat
UTF	dana unit amanah
UTS	skim amanah unit
VC	modal teroka
WQ-FF	<i>Rangka Kerja Dana Bercirikan Wakaf</i>
YA	tahun penilaian
y-o-y	tahun ke tahun